

Sesuai dengan ELAK

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta umat Islam di negara ini menepelak diri daripada terbabit dalam konflik yang boleh menjejaskan keharmonian yang wujud sekarang, sesuai dengan tuntutan Islam.

Reliau berkata, kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, kawalan inflasi dan pengangguran yang berkesan dapat dicapai kerana kestabilan politik dapat diwujudkan dan pertahankan.

"Semua ini tidak mungkin wujud kalau tidak kerana keazaman dan kegigihan rakyat yang mahukan keamanan dan kesejahteraan.

"Marilah kita kekalkan keadaan harmonis ini dan elakkan diri daripada berkonflik supaya keamanan yang dituntut oleh Islam terus terpelihara," katanya dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), malam tadi.

Perdana Menteri berkata, keadaan ekonomi yang baik ini membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang tinggi sementara kedudukan kewangan negara yang kukuh pula membolehkan kakitangan kerajaan menikmati gaji baru.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan umat Islam meningkatkan usaha dan mutu kerja mereka dan bukan mencipta, menambah dan mewajibkan pelbagai 'ibadat baru' sehingga memudaratkan diri sendiri.

Katanya, dalam dunia moden yang mempunyai saingan pesat ini umat Islam hendaklah menghayati semangat menimba ilmu dalam semua bidang dan melipatgandakan usaha untuk maju.

"Islam tidak menyuruh kita mencipta, menambah dan mewajibkan pelbagai 'ibadat baru' sehingga memudaratkan kita. Jika majoriti orang Islam meninggalkan tugas biasa mereka untuk melakukan 'ibadat ciptaan' ini, mereka akan menjadi miskin dan daif. Orang seperti ini mudah diperalat dan ditindas oleh orang lain," katanya.

Keliau berkata, walaupun ketika ini hanya sekumpulan kecil umat Islam terbabit dengan amalan seperti itu, ia menambahkan beban kepada umat Islam yang lain sedangkan umat Islam lain pula tidak mampu memikul bebantambahan.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri mengingatkan umat Islam jangan bersikap fanatik dengan membelakangkan pemikiran yang waras.

Sebaliknya, beliau mahu mereka mengimbangi urusan bagi mengejar kebahagiaan dunia dan akhirat.

"Umat Islam perlu mengubah sikap untuk bekerja lebih kuat, menguasai semua ilmu, meningkatkan produktiviti dan mengejar kebahagiaan di dunia seimbang dengan kebahagiaan akhirat," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, ibadat yang diwajibkan tidak perlu dicirikan kerana mengejar kemajuan dunia kerana keduanya boleh dikejar bersama.

Beliau juga meminta rakyat negara ini menegangkan nasib rakyat di Afrika, Amerika Latin dan Eropah Timur yang sangat memilukan, manakala umat Islam di sesetengah negara lain pula ditindas sehingga tidak dapat mengerjakan ibadat.

- 5 APR 1992

BERKONFLIK: PM

tuntutan Islam